

# REXOM<sub>TM</sub> WINA B COMPLEX TABLET

Cyanocobalamin (B12)/Riboflavin (B2)/Thiamine Hydrochloride (B1)/Nicotinamide (B3)/Calcium Pantothenate (B5)/Pridoxine Hydrochloride (B6) (5mcg/3mg/10mg/25mg/1mg/1mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex
2. Bagaimana REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex
4. Cara mengambil REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex
5. Semasa menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex

Untuk pencegahan dan rawatan gejala-gejala kekurangan vitamin B kompleks.

## Bagaimana REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex berfungsi

REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex mengandungi 6 jenis Vitamin B iaitu Cyanocobalamin (B12), Riboflavin (B2), Thiamine Hydrochloride (B1), Calcium Pantothenate (B5), Nicotinamide (B3) dan Pridoxine Hydrochloride (B6). Ini adalah vitamin B yang akan diisi semula kekurangan dalam badan.

## Sebelum menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex

### -Bila tidak boleh menggunakan

Ia tidak boleh digunakan pada orang yang hipersensitif kepada sebarang komponen dari formulasi ini.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

## Cara mengambil REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

Dewasa: 2-4 tablet setiap hari.  
Kanak-kanak: 1-2 tablet setiap hari.

### -Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex mempengaruhi anda.

## Kesan-kesan sampingan

REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex jarang menyebabkan ketoksisan terhadap orang yang mempunyai fungsi buah pinggang yang normal. Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat dan rujuk kepada doktor.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems/Side Effects/AEFI/Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sub>TM</sub> Wina B Complex

### -Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Pastikan penutup ditutup ketat. Lindungi daripada haba dan cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

# **REXOM<sub>TM</sub> WINA B COMPLEX TABLET**

Cyanocobalamin (B12)/Riboflavin (B2)/Thiamine Hydrochloride (B1)/Nicotinamide (B3)/Calcium Pantothenate (B5)/Pridoxine Hydrochloride (B6) (5mcg/3mg/10mg/25mg/1mg/1mg)

---

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Tablet berwarna kuning, bulat, bergaris pada satu permukaan dengan dwi-cembung.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Cyanocobalamin (B12), Riboflavin (B2), Thiamine Hydrochloride (B1), Calcium Pantothenate (B5), Nicotinamide (B3), Pridoxine Hydrochloride (B6).

- Bahan-bahan tidak aktif

Lactose, Magnesium stearate, Tepung jagung, Kanji, Kollidon PVP dan Spirit Chloroform.

### -Nombor MAL

MAL19911365X

## **Pengilang dan Pemegang**

### **Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, 11900 Penang,  
Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RIMUP**

02/11/2017

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)251017/00282